

Budaya Kerja Cemerlang

Ingin meningkatkan kemahiran komunikasi dan keterampilan diri?

Adakah anda berminat mempelajari rahsia bagaimana bekerja secara pasukan secara efektif?

Pengenalan

Sebagai seorang pegawai awam yang banyak terlibat dengan orang awam harus menitikberatkan budaya kerja cemerlang. Seseorang individu yang mampu berkomunikasi dengan baik dan berkesan dapat menonjolkan kewibawaan diri dan organisasinya. Seorang pemimpin berkesan adalah pendorong dan peneraju organisasi yang berkesan. Pemimpin tersebut boleh mendorong kakitangan dan mengubah mereka ke arah lebih baik atau lebih hebat dan mencapai wawasan organisasinya. Kursus ini mendedahkan para peserta kepada teknik komunikasi yang berkesan, memupuk budaya kerja secara berpasukan serta kepimpinan diri. Adakah anda bersedia untuk menuju ke arah yang lebih produktif?

Objektif Kursus

Kursus ini bertujuan untuk:

- Memupuk dan melatih kemahiran berkomunikasi berkesan
- Memupuk budaya bekerja secara berpasukan
- Dapat mengangkat imej jabatan ke tahap yang lebih tinggi lagi melalui keterampilan diri

Hasil Pembelajaran

Setelah menamatkan kursus ini, para peserta akan dapat:

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan konsep budaya kerja cemerlang.
- Meningkatkan keyakinan diri, membentuk personaliti menarik dan positif serta mampu menghasilkan kerja yang berkualiti dan cemerlang.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bekerja dalam pasukan serta semangat kekitaan

Siapa yang mesti hadir?

Pegawai-pegawai awam yang ingin memupuk budaya kerja cemerlang

Metodologi

- Kuliah daripada tenaga pengajar
- Perkongsian pengalaman dan kepakaran dari tenaga pengajar & peserta
- Soal-jawab antara tenaga pengajar dan peserta
- Kajian kes berkaitan modul
- Perbincangan dalam kumpulan
- Persembahan dari kumpulan
- Kuiz & latihan berkaitan modul

Kerangka Latihan

Masa	Hari 1
9.00am– 10.30am	Pengenalan Budaya Kerja Cemerlang Dalam modul ini, para peserta akan mempelajari definisi budaya kerja cemerlang. Selain itu, para peserta akan didedahkan kepada elemen dan unsur-unsur budaya kerja cemerlang. Selepas itu, para peserta akan menghayati ciri-ciri budaya kerjaya yang baik.
10.30am-10.45am	Rehat
10.45am-1.00pm	Keterampilan Diri Penampilan diri merupakan sebahagian daripada imej dan peribadi seseorang individu. Dalam usaha memastikan imej diri dan etika pakaian para peserta didedahkan dalam menampilkan persembahan personaliti terbaik melalui pemakaian, emosi, dan komunikasi yang positif
1.00pm-2.00pm	Rehat
2.00pm-3.30pm	Komunikasi Berkesan Di dalam modul ini, para peserta akan mengetahui tentang konsep komunikasi dan mempelajari tentang beberapa prinsip komunikasi berkesan yang boleh dipraktikkan di tempat kerja dan di rumah. Selain itu, etika-etika dan adab-adab dalam berkomunikasi akan diajar supaya mereka dapat mengaplikasikannya dan seterusnya dapat menjalinkan perhubungan sesama insan dengan lebih baik lagi. Para peserta juga akan mempelajari teknik, kaedah dan prinsip berkomunikasi berkesan.
3.30pm-3.45pm	Rehat
3.45pm-5.00pm	Kepimpinan Berkesan Di dalam modul ini, para peserta akan mengetahui ciri-ciri seorang pemimpin yang disanjung tinggi. Selain itu, para peserta akan belajar kaedah-kaedah kepimpinan berkesan. Selepas mengetahui kaedah, para peserta didedahkan kepada faedah dan kesan kepimpinan yang baik.

Masa	Hari 2
9.00am–10.30am	Bekerja Dalam Pasukan Bekerja dalam pasukan biasanya akan memberi manfaat yang lebih banyak daripada bekerja secara individu. Dalam modul ini, para peserta akan mempelajari konsep kerja berpasukan dan cara-cara membina semangat berpasukan.

10.30am-10.45am	Rehat
10.45am-1.00pm	Menangani Isu & Konflik di Tempat Kerja Di tempat kerja, konflik kadangkala tidak dapat dielakkan. Oleh itu, dalam modul ini, para peserta akan mengenal isu dan konflik di tempat kerja. Selain itu, para peserta akan mempelajari cara-cara untuk menangani isu dan konflik yang berlaku.
1.00pm-2.00pm	Rehat
2.00pm-3.30pm	Pendekatan Psikologi Dalam Konflik Dalam modul ini, para peserta akan mempelajari pengaruh nilai, sikap dan tingkah laku dalam pengurusan konflik. Juga, peserta akan belajar bagaimana untuk menerapkan asas-asas ekonomi tingkah laku dalam mengaplikasikan pengurusan konflik. Modul ini diperlukan kerana ia mewujudkan kesan yang mampan ke atas organisasi
3.30pm-3.45pm	Rehat
3.45pm-5.00pm	Rumusan Program Peserta akan membuat satu rumusan tentang apa yang mereka telah belajar melalui kursus selama 2 hari ni dalam bentuk tugas video secara berkumpulan.